



05 MAR, 2026

Hukuman lebih berat

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



KETUA Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman (dua dari kanan) menunjukkan kabel ECRL yang dirampas di Temerloh pada September tahun lalu.

Hukuman lebih berat

- Kegiatan curi kabel rugikan negara, ancam nyawa rakyat
- Desak pelaku dipenjara lebih 10 tahun, denda RM100,000

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS, NOOR HASLIZA NUSI dan ROHANA MOHD. NAWI

PETALING JAYA – Kegiatan curi kabel yang semakin berleluasa di seluruh negara sejak kebelakangan ini mencetuskan kemarahan dan kebimbangan rakyat apabila jenayah itu bukan sahaja menjejaskan kemudahan awam, malah

turut mengancam nyawa orang ramai.

Lebih membimbangkan apabila terdapat kes curi kabel yang dilakukan secara terbuka oleh pihak tidak bertanggungjawab dengan cara menarik kabel menggunakan kenderaan selain meninggalkan penutup lubang dalam keadaan terbuka.

►BERSAMBUNG DI MUKA 2



05 MAR, 2026

Hukuman lebih berat

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

Hukuman lebih berat



KETUA Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar menunjukkan antara peralatan dan barang rampasan berkaitan kes curi kabel pada sidang akhbar di Shah Alam kelmarin.

DARI MUKA 1

Susulan itu, orang ramai mende-
sak pihak berkuasa dan kerajaan
untuk menggubal serta menguat-
kuasakan hukuman lebih berat
terhadap pesalah curi kabel bagi
membendung jenayah tersebut
daripada terus berulang.

Kecurian kabel tidak hanya
melibatkan perkhidmatan KTM
Komuter, malah turut berlaku
dalam sistem rel bandar, syarikat
telekomunikasi serta elektrik se-
hingga menyebabkan gangguan
bekalan, kelewatan perjalanan
tren dan masalah talian.

Untuk rekod, beberapa
pesalah telah diheret dan di-
jatuhi hukuman di mahkamah
atas kesalahan mencuri kabel di
bawah Seksyen 379 Kanun Ke-
seksaan yang memperuntukkan
penjara sehingga tujuh tahun
atau denda.

Ini termasuk kes di Mahkamah
Majistret Shah Alam kelmarin
apabila lima individu termasuk
tiga wanita didenda RM5,000
atas kesalahan tersebut.

Bagaimanapun, hukuman
denda dan penjara yang terla-
lu ringan itu seolah-olah gagal
mengekan kegiatan curi kabel,
sekali gus mencetuskan desakan
orang ramai.

Di Kota Bharu, Kelantan, se-
orang kontraktor, Ariffin Mat, 69,
mendesak agar hukuman penja-
ra lebih 10 tahun dan denda lebih
RM100,000 dikenakan terhadap
pencuri kabel kerana telah
menyebabkan kerajaan menan-
gung kerugian besar.

"Seperti yang kita tahu, kabel
yang dicuri itu melibatkan ka-
bel sistem telekomunikasi, pen-
cawang elektrik dan kawasan
landasan kereta api.

"Kecurian kabel telah menye-
babkan sistem tergendala se-
hingga mendatangkan bahaya
kepada orang ramai.

"Saya berharap kerajaan men-
genakan hukuman penjara lebih
10 tahun dan denda melebihi
RM100,000 kepada pesalah yang
terlibat.

"Kadang-kadang modus ope-
randi yang mereka lakukan ti-
dak disedari oleh orang ramai
sehingga berlaku risiko kepada
penduduk setempat," katanya.

Di Alor Setar, Kedah, kak-
tangan awam, Nur Faizah Abd.
Halim, 38, berkata, kecurian ka-
bel terutama melibatkan KTM
Komuter, syarikat telekomu-
nisi dan Tenaga Nasional Berhad
(TNB) amat menyusahkan orang
ramai.

"Banyak kes dilaporkan sejak
kebelakangan ini, malah di media
sosial pun ada rakaman kegiatan
curi kabel. Mereka berani tarik
kabel guna kereta secara terbu-
ka," katanya.

Menurutnya, kecurian kabel
KTM Komuter mengakibatkan
gangguan perkhidmatan dan
jelas menyusahkan penumpang.

"Paling ditakuti apabila
jenayah itu turut memberi risiko
besar kepada nyawa manusia
sekiranya sistem pergerakan
komuter terganggu," katanya.

Peniaga, Jefri Raziman, 45,
pula berharap pelaku dikenakan
tindakan tegas memandangkan
kegiatan itu semakin serius.

"Tangkap dan kenakan huku-
man penjara serta denda yang
tinggi. Perbuatan curi kabel ini
memang tidak boleh diterima
kerana ia mengancam kese-
lamatan dan boleh menjejaskan
nyawa orang awam," jelasnya.

Katanya, terdapat penutup

lubang (manhole) yang dibi-
arkan terbuka selepas kabel dicuri
sehingga membahayakan nyawa
pengguna jalan raya.

Presiden Persatuan Pengguna
Kedah (Cape), Mohamad Yusri-
zal Yusoff berkata, kes kecurian
kabel kerap berlaku terutama di
kawasan terpencil.

"Ia sangat menyusahkan
pengguna apabila berlaku gan-
guan bekalan elektrik dan perkh-
idmatan komuter.

"Selain itu, terdapat juga ke-
curian di tapak projek Laluan Rel
Pantai Timur (ECRL) dan jenayah
ini mengakibatkan kerugian juta-
an ringgit," katanya.

Justeru, beliau berharap pen-
curi serta pembeli kabel curi
dikenakan hukuman lebih berat
sebagai langkah pencegahan.

"Apabila hukuman berat dilak-
sanakan, orang akan takut men-
curi kabel. Penguatkuasaan juga
perlu lebih tegas," tambahnya.

Di George Town, Pulau
Pinang, Faridah Hassan, 45, ber-
harap agar pembeli kabel di
melibatkan premis-premis kitar
semula turut dikenakan tinda-
kan setimpal.

"Pembeli ini seolah-olah me-
nyokong tindakan jenayah terba-
bit dan membantu menjana pen-
dapat haram si pelaku.

"Jika dibiarkan berterusan
dan pihak berkuasa juga masih
tidak menguatkuasakan huku-
man lebih berat, maka saya per-
caya sindiket curi kabel akan
menjadi 'barah' sehingga sukar
dibendung di negara ini.

"Justeru, sudah tiba masanya
pihak kerajaan menerusi perun-
dangan menguatkuasakan huku-
man berat tanpa kompromi ter-
hadap si pelaku sama ada wanita
atau lelaki," katanya.